

Relationship between Shame Emotions toward Attachment Styles and Achievement Motivation among Students: Meta Analysis Study

Hubungan Antara Emosi Malu Terhadap Gaya Pertautan dan Motivasi Pencapaian Dalam kalangan Pelajar: Satu Kajian Meta Analisis

Mohamad Kamis Baharuddin, Zakiah Mohamad Ashari*,

Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

*Corresponding author: zakiahma@utm.my

Abstract

Shame emotion is a factor that contributes to student's attachment style and the declination and increment of their achievement motivation to succeed. Shame is an emotion that is significant among students especially during their school years which is the period before they enrolling in a university. This will effect their attachment style either towards their parents, teachers or peers and will have an impact on the level of motivation of students achieving what they want in the academic field. Therefore, this study aims to identify the elements in the relationship between shame emotions on the style of achievement and achievement motivation among students based on past studies through meta analysis techniques. After qualitative analysis, there are two recognizable relationships which are the relationship between shame emotion with attachment styles and shame emotions with achievement motivation.

Keywords: Shame emotion, attachment style, motivation achievement, shame, motivation

Abstrak

Emosi malu merupakan faktor yang turut menyumbang kepada gaya pertautan pelajar dan pengurangan atau peningkatan tahap motivasi pencapaian mereka untuk berjaya. Malu merupakan emosi yang signifikan dalam kalangan pelajar terutama sekali dalam peringkat persekolahan iaitu sebelum melangkah masuk kealam universiti. Perkara ini akan mempengaruhi gaya pertautan pelajar sama ada terhadap ibu bapa, guru-guru ataupun rakan sebaya serta akan memberi impak kepada tahap motivasi pencapaian pelajar mencapai apa yang dikehendaki terutamanya dalam bidang akademik. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti elemen-elemen dalam hubungan antara emosi malu terhadap gaya pertautan dan motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar berasaskan kajian-kajian lepas melalui teknik meta analisis. Selepas analisis secara kualitatif, terdapat dua perkaitan yang dapat dikenal pasti iaitu hubungan emosi malu dengan gaya pertautan dan hubungan emosi malu dengan motivasi pencapaian.

Kata kunci: Emosi malu, gaya pertautan, motivasi pencapaian, malu, motivasi

© 2018 Penerbit UTM Press. All rights reserved

1.0 PENGENALAN

Kejayaan pelajar didorong melalui beberapa aspek yang mampu memberikan motivasi kepada diri mereka untuk mencapai tahap yang baik dalam bidang akademik mahupun aktiviti kokurikulum mereka. Justeru, aspek emosi seperti emosi malu merupakan faktor yang turut menyumbang kepada gaya pertautan pelajar dan pengurangan atau peningkatan tahap motivasi pencapaian mereka untuk berjaya. Adaptasi yang baik dalam mengawal emosi terutamanya emosi malu dapat memberikan keseimbangan kehidupan kepada pelajar dalam proses pembelajaran (Pekrun & Linnenbrink-Garcia, 2014).

1.1 Emosi Malu

Faktor yang membentuk sikap dan tingkahlaku mahasiswa di barat dan di timur khususnya Malaysia adalah perbezaan budaya dan amalan bertanya. Kemahiran memberi rangsangan dan menanyakan soalan kepada pelajar merupakan kemahiran yang perlu dimiliki oleh guru atau pensyarah. Persoalan yang dikemukakan oleh guru atau pensyarah kepada pelajar bermatlamat untuk menguji tahap pemahaman mereka terhadap topik yang diajar serta memberi kesempatan kepada pelajar untuk melatih dan membiasakan mereka dengan budaya berkongsi pendapat dan berani dalam menyampaikan idea dan pemikiran mereka, maka emosi malu sepatutnya perlu dikawal sebaiknya dalam diri seseorang itu, terutama sekali dalam kalangan pelajar (Winasih, 2009). Selain itu, wujudnya keterbatasan interaksi dua hala

antara guru dan pelajar yang menyebabkan hubungan antara mereka menjadi lebih formal dan terbatas hanya di dalam kelas, sedangkan untuk membentuk personaliti, sahsiah dan gaya pertautan pelajar, hubungan antara guru dan pelajar perlu lebih erat agar peranan guru sebagai tauladan dapat dilaksanakan (Muhamad Suhaim & Mohd Yusuf, 2016).

Tambahan lagi, menurut kajian oleh Makhbul et al. 2012 menyatakan bahawa, pencapaian akademik bukanlah semata-mata kriteria yang menjadi keutamaan majikan dalam memilih pekerja. Kini, kemahiran insaniah yang meliputi aspek keperibadian dan keterampilan serta komunikasi merupakan kriteria utama majikan dalam memilih pekerja. Tetapi pada hari ini, pelajar yang telah tamat pengajian sukar berinteraksi dengan baik kerana salah satu faktor yang menyekat tingkahlaku mereka ialah perasaan malu dan takut dengan sosial.

1.2 Gaya Pertautan

Proses pengajaran akan lebih mudah jika guru atau pensyarah yang mengajar prihatin terhadap keperluan dan perkembangan semasa para pelajar. Keprihatinan tersebut meliputi sikap mengambil berat tentang kesejahteraan mereka, sikap positif terhadap keupayaan pelajar, menunjukkan sikap penyayang, memahami bahawa proses pengajaran harus berlaku secara dua hala dan mempunyai sikap yakin diri dalam melakukan proses pengajaran. Bernier et al., (2005) dalam Taat et al. (2014) menjelaskan gaya pertautan pelajar adalah berbeza dan sudah tentu akan mempengaruhi minat serta motivasi pelajar untuk memahami proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Jenis gaya pertautan dalam kalangan pelajar turut mempengaruhi hubungan mereka diantara guru dan rakan-rakan sebaya di sekolah.

Hubungan tingkahlaku pertautan merupakan perantara antara emosi dan kognitif yang efektif dan merangkumi kepercayaan tentang orang lain dan diri sendiri secara sistematik (Neff & McGehee, 2010). Justeru, persekitaran yang baik berdasarkan gaya pertautan pelajar yang baik dapat melahirkan suasana proses pembelajaran yang efektif dan produktif dalam kalangan pelajar dalam meningkatkan tahap pencapaian mereka dalam akademik (Owen et al. 2010).

1.3 Motivasi Pencapaian

Menurut McClelland (1961), menyatakan motivasi seseorang akan meningkat jika seseorang itu menerima ransangan motivasi, memahami unsur-unsur motivasi, melibatkan diri secara aktif dalam perkara yang diinginkan. Perkara ini menjelaskan proses motivasi itu bertindak secara dua hala, dan kedua-dua pihak perlu saling memberi dan menerima.

Motivasi yang mendorong pencapaian yang positif pelajar merupakan proses yang memberi tindakan kepada tingkah laku seseorang itu dan menjuruskan tingkah laku itu kepada satu-satu matlamat. Individu yang bermotivasi akan membuat pilihan positif untuk melaksanakan sesuatu perkara kerana beliau akan mengetahui tindakan ini bermakna kepadanya dan boleh memuaskan keperluannya untuk mencapai sesuatu perkara (Chen, Masek, & Amiruddin, 2014).

2.0 METODOLOGI

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti elemen-elemen di dalam hubungan antara emosi malu terhadap gaya pertautan dan motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar. Berikut merupakan kata kunci yang digunakan dalam proses pencarian penerbitan kajian-kajian lepas yang sesuai: emosi malu, gaya pertautan dan motivasi pencapaian. Kajian-kajian lepas telah diperolehi melalui pangkalan data dalam talian seperti *ScienceDirect*, *Web of Science* dan *Springer Link*. Kriteria berikut telah digunakan untuk mencari kajian-kajian lepas yang relevan: (1) kajian terhadap hubungan antara emosi malu terhadap gaya pertautan dan motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar; (2) Kajian berfokus kepada pelajar diperingkat sekolah menengah sehingga pelajar diperingkat universiti (3) Kajian diterbitkan diantara tahun 2004 sehingga terkini; dan (4) Kajian perlu menyatakan elemen hubungan antara emosi malu terhadap gaya pertautan dan motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar. Sebab pemilihan penerbitan kajian yang bermula dari 2010 hingga sekarang adalah untuk memastikan bahawa kajian-kajian tersebut adalah terkini dan dikemaskini. Selepas analisis secara kualitatif, satu kajian meta analisis terhadap pedagogi berasaskan bermain di prasekolah telah dijalankan, dan ringkasan dapatan kajian adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1 Kajian meta analisis terhadap hubungan antara emosi malu terhadap gaya pertautan dan motivasi pencapaian

No.	Elemen	Penjelasan	Kajian
1	Hubungan Emosi Malu dan Gaya Pertautan	Emosi malu dinilai berdasarkan tahap sifat malu Fokus kepada gaya pertautan yang selamat (Secure Attachment) dan gaya pertautan yang tidak selamat (Insecure Attachment)	(Atkins, 2016; Lamana Finn, 2017; Passanisi, Gervasi, Madonia, Guzzo, & Greco, 2015)
2	Hubungan Emosi Malu dan Motivasi Pencapaian	Tahap emosi malu diukur berdasarkan pencapaian pelajar dalam akademik dan kokurikulum	(Fontana, 2015; Lamana Finn, 2017; A. R. Mohamed, & Hamzah, M. D. , 2005; T. Thompson, Altmann, R., & Davidson, J. , 2004)

Jadual 1 menunjukkan kebanyakan kajian yang dilaksanakan adalah dalam kalangan pelajar dari peringkat sekolah menengah sehingga pelajar diperingkat pengajian tinggi (universiti).

■3.0 HASIL DAPATAN

Berdasarkan kajian meta analisis, terdapat 2 perkaitan utama dalam melihat hubungan antara emosi malu terhadap gaya pertautan dan motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar.

3.1 Hubungan Emosi Malu dengan Gaya Pertautan

Atkins (2016) telah menjalankan kajian tentang hubungan malu dan gaya pertautan, kajian adalah terhadap 271 pelajar universiti. Tajuk kajian adalah *“The Relationship Between Shame And Attachment Styles”*. Kaedah kuasi eksperimen dan analisis kualitatif telah digunakan untuk melihat malu yang tersirat dan penilaian hubung kait dengan gaya pertautan adalah berdasarkan prosedur induksi perasaan malu (Shame Mood Induction Procedure-MIP). Hasil kajian mendapati bahawa pelajar yang mempunyai gaya pertautan yang tidak selamat (insecure attachment) menunjukkan lebih banyak keadaan dan perasaan malu berbanding dengan pelajar yang mempunyai gaya pertautan yang selamat (secure attachment) selepas prosedur induksi perasaan malu (MPI) dijalankan. Individu yang mempunyai gaya pertautan tidak selamat (insecure attachment) juga menunjukkan peningkatan yang signifikan daripada keadaan malu biasa sehingga prosedur induksi perasaan malu (MPI) dijalankan.

Kajian oleh Lamana Finn (2017) tentang *“The Relationships among Shyness, Shame, And Attachment Style With Respect To College Student Persistence And Grade Point Average”* telah dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif dalam kalangan 2000 pelajar baru di Universiti-univeristi Amerika Syarikat. Hasil kajian mendapati bahawa tidak ada hubungan yang signifikan diantara pemboleh ubah didalam kajian ini. Namun, pelajar yang menunjukkan pertautan yang selamat (secure attachment) boleh bekerja dalam persekitaran yang memberi tekanan dan mampu mengawal emosi (pelajar yang mempunyai sifat malu) berbanding pelajar yang menunjukkan pertautan yang tidak selamat (insecure attachment).

Menurut Passanisi (2015) terhadap 209 pelajar tentang *“Attachment, Self-Esteem and Shame in Emerging Adulthood”* menyatakan bahawa lelaki mempunyai harga diri (self-esteem) yang tinggi dan perasaan malu yang rendah. Hasil kajian mendapati bahawa pelajar yang menunjukkan pertautan yang selamat (secure attachment) mempunyai tahap malu yang rendah berbanding pelajar yang menunjukkan pertautan yang tidak selamat (insecure attachment).

Justeru, ketiga-tiga kajian oleh Atkins (2016), Lamana Finn (2017) dan Passanisi (2015) telah menunjukkan bahawa emosi malu pelajar adalah berhubung kait dengan gaya pertautan yang selamat (secure attachment) dan gaya pertautan yang tidak selamat (insecure attachment) yang dipengaruhi oleh faktor persekitaran mereka iaitu sama ada melalui rakan sebaya dan guru-guru.

Manakala, dapatan lain adalah faktor gaya pertautan yang dipengaruhi oleh ibu bapa. Berdasarkan kajian *“Parent and Adolescent Attachment and Adolescent Shame and Hope with Psychological Control as a Mediator”* oleh Bell (2015) menyatakan bahawa terdapat hubungan diantara pertautan remaja dan ibu bapa dengan malu. Hasil kajian menunjukkan bahawa persepsi hubungan (pertautan) remaja dengan ibu bapa mempunyai korelasi dengan sifat malu mereka. Perkara ini turut dipengaruhi oleh pengawalan psikologi yang menghubungkan pertautan remaja dengan ibu bapa dengan sifat malu mereka.

3.2 Hubungan Emosi Malu dengan Motivasi Pencapaian

Kajian tentang *“The Relationships among Shyness, Shame, And Attachment Style With Respect To College Student Persistence And Grade Point Average”* oleh Lamana Finn (2017) turut menyatakan bahawa terdapat hubung kait di antara malu dengan motivasi pencapaian pelajar. Dapatan kajian menyatakan bahawa malu boleh menyebabkan seseorang pelajar menjadi bimbang serta risau dan mendorong pelajar tersebut kearah pencapaian akademik yang rendah.

Seterusnya, kajian oleh Fontana (2015), tentang *“Exploring Athlete Proneness to Shame when Partaking in Sport and its Relationship with Achievement Goal Perspective Theory: Creating and Validating the Shame in Sport Questionnaire”* terhadap 259 atlet sekolah menengah berkenaan sifat malu atlet dalam penyertaan sukan serta hubungannya dengan Teori perspektif pencapaian matlamat. Berdasarkan Teori Perspektif Pencapaian Nicholls '(1989) (AGPT) menunjukkan bahawa atlet berorientasikan tugas lebih cenderung mengalami proses rasa malu dan berkemungkinan kurang mengalami rasa malu. Sebaliknya, atlet yang berorientasikan ego lebih cenderung untuk mengalami rasa malu dan kurang mengalami pengalaman memalukan.

Manakala, menurut Abdul dan mohamad (2005), telah menjalankan kajian korelasi emosi malu dengan pencapaian akademik di kalangan mahasiswa melayu. Pelajar yang berumur antara 20 hingga 36 tahun seramai 140 orang merupakan sampel dalam kajian ini. Sampel terdiri daripada pelbagai latar belakang pendidikan yang berbeza. Kajian menunjukkan terdapat lima faktor yang berkaitan dengan emosi malu iaitu kesekatlakuan wibawa, kesekatlakuan sosial, persepsi sinis, pengelakan sosial dan kebimbangan komunikasi-interaktif. Secara keseluruhannya arah korelasi antara malu dengan pencapaian akademik adalah negatif. Hal ini bermaksud emosi malu pelajar yang rendah akan menyebabkan pencapaian akademik pelajar juga adalah rendah. Walaupun emosi malu mempunyai hubungan yang negatif terhadap pencapaian akademik, pelajar yang mempunyai sifat malu dengan orang sekeliling boleh meningkatkan pencapaian akademik mereka dengan menggunakan strategi yang sesuai dengan faktor pengelakan sosial mereka seperti berkomunikasi dengan pensyarah melalui sosial media, melalui e-mel dan boleh melayari laman web untuk mendapatkan sumber maklumat dan informasi tambahan untuk proses pembelajaran mereka.

Menurut Ted et al. (2004) melalui kajiannya *“Shame-proneness and achievement behaviour”* menyatakan keadaan malu yang tinggi akan menyebabkan seseorang akan cenderung melakukan pelanggaran dalam kehidupan dan akan menyebabkan penurunan dalam nilai diri dan akan mendatangkan kesan yang negatif dalam kehidupan. Kajian ini, adalah untuk melihat sama ada wujud keadaan malu yang tinggi atau rendah dalam kalangan pelajar, mengenalpasti kesan keadaan malu seseorang sama ada mengalami kegagalan ataupun kejayaan dalam akademik. Hasil kajian ini adalah wujudnya kesan negatif yang besar dan kebimbangan yang tinggi diantara keadaan malu dengan tingkahlaku pencapaian. Kajian ini menunjukkan pelajar yang kurang produktif adalah pelajar yang mempunyai emosi malu.

Oleh itu, perkaitan emosi malu dengan motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar adalah didorong dengan sifat malu mereka dan mempengaruhi tahap motivasi pencapaian mereka dalam mencapai sesuatu yang ingin dicapai terutamanya dalam bidang akademik.

■4.0 CADANGAN

Hubungan antara emosi malu terhadap gaya pertautan dan motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar adalah penting dalam sebuah institusi pendidikan. Justeru, proses dalam mengawal emosi malu dan gaya pertautan dalam kalangan pelajar adalah perlu untuk meningkatkan tahap motivasi pencapaian mereka. Oleh itu, konsep pengawalan aspek emosi malu dan gaya pertautan perlu lebih baik dan efektif untuk sentiasa menggalakkan perkembangan motivasi pencapaian pelajar pada peringkat sekolah mahupun institusi pengajian tinggi. Tambahan lagi, kajian terhadap bidang ini masih lagi kurang di Malaysia. Justeru, penerokaan dan kajian dalam bidang ini perlu dikembangkan agar dapat memberikan impak positif dalam proses penambahbaikan sistem perkembangan emosi malu serta gaya pertautan dan motivasi pencapaian pelajar.

■5.0 RUMUSAN

Secara kesimpulannya, terdapat empat elemen hubungan antara emosi malu terhadap gaya pertautan dan motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar. Berikut merupakan elemen hubungan antara emosi malu terhadap gaya pertautan dan motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar yang dapat dikenalpasti:

- Hubungan Emosi Malu dengan Gaya Pertautan
- Hubungan Emosi Malu dengan Motivasi Pencapaian

Justeru, elemen-elemen ini boleh digunakan oleh pendidik atau guru-guru dalam mengendalikan emosi pelajar terutamanya emosi malu, mengenalpasti gaya pertautan dan dapat merangsang motivasi pencapaian pelajar dalam perancangan dan pelaksanaan aktiviti pembelajaran. Persekitaran sekolah dan orang sekeliling perlu memainkan peranan penting dalam membentuk pelajar yang dapat mengawal emosi mereka dengan baik berdasarkan gaya pertautan yang tepat dan sekaligus dapat meningkatkan motivasi pencapaian pelajar untuk berjaya.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) diatas sokongan terhadap projek ini.

Rujukan

- Atkins, S. A. (2016). *The Relationship Between Shame and Attachment Styles*. University of North Texas.
- Bell, N. K. (2015). *Parent and Adolescent Attachment and Adolescent Shame and Hope with Psychological Control as a Mediator*. Brigham Young University.
- Chen, U. R., Masek, A., & Amiruddin, M. H. (2014). Kajian Gaya Pembelajaran Dan Motivasi Terhadap Pencapaian Pelajar Diploma Kejuruteraan Di Politeknik.
- Fontana, M. S. (2015). *Exploring Athlete Proneness to Shame when Partaking in Sport and its Relationship with Achievement Goal Perspective Theory: Creating and Validating the Shame in Sport Questionnaire*. University of Kansas.
- Lamana Finn, K. (2017). *The Relationships among Shyness, Shame, and Attachment Style with Respect to College Student Persistence and Grade Point*. Capella University.
- Makhbul, Z. M., Yusoff, I., & Awang, A. H. (2012). Kriteria Pengambilan dan Pemilihan Graduan dari Perspektif Pengurusan Sumber Manusia (The Criteria of Graduate Recruitment and Selection from The Perspective of Human Resource Management). *Jurnal Personalia Pelajar*(15), 1-11.
- McClelland, D. C. (1961). *The Achieving Society*. New York: The free Press.
- Mohamed, A. R., & Hamzah, M. D. . (2005). Kajian Korelasi Emosi Malu Dengan Pencapaian Akademik Di Kalangan Mahasiswa Melayu. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 20, 153–167.
- Mohamed, A. R., & Hamzah, M. D. (2005). Kajian Korelasi Emosi Malu Dengan Pencapaian Akademik Di Kalangan Mahasiswa Melayu. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 20, 153–167.
- Muhamad Suhaim, T., & Mohd Yusuf, A. (2016). Impak Pengajaran Dan Bimbingan Guru Pendidikan Islam Terhadap Motivasi Dan Pembelajaran Terarah Kendiri Pelajar. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 5, 1-17.
- Neff, K. D., & McGehee, P. (2010). Self-Compassion And Psychological Resilience Among Adolescents And Young Adults. *Self And Identity*, 9(3), 225-240.
- Owen, J. J., Rhoades, G. K., Stanley, S. M., & Fincham, F. D. (2010). "Hooking Up" Among College Students: Demographic And Psychosocial Correlates. *Archives Of Sexual Behavior*, 39(3), 653-663.
- Passanisi, A., Gervasi, A. M., Madonia, C., Guzzo, G., & Greco, D. (2015). Attachment, Self-Esteem and Shame in Emerging Adulthood. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 191(Supplement C), 342-346.
- Pekrun, R., & Linnenbrink-Garcia, L. (2014). *International Handbook Of Emotions In Education*: Routledge.
- Taat, M. S., Abdullah, M. Y., & Talip, R. (2014). Motivasi Sebagai 'Mediator' antara Proses Pengajaran dan Bimbingan Guru dengan Pembelajaran Terarah Kendiri (PTK) Pelajar: Satu Kajian Menggunakan 'Model SEM/AMOS'. *Sains Humanika*, 2(4), 127–132
- Thompson, T., Altmann, R., & Davidson, J. . (2004). Shame-Proneness And Achievement Behaviour. *Personality and Individual Differences*. (36), 613–627.
- Winasih. (2009). *Peningkatan Respon Siswa pada Pembelajaran IPS Melalui Pendekatan Ketrampilan Proses (PTK Pembelajaran IPS di SMP Muhammadiyah 2 Surakarta Kelas VIII B Tahun Ajaran 2008/2009*. Universitas Muhammadiyah Surakarta